

24 FEB 2001

Mahathir-lawat

SARAWAK BERPOTENSI TUMBUH PANTAS, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 24 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamatkan lawatan dua harinya ke Sarawak hari ini dengan perasaan berpuas hati bahawa negeri ini telah membangun dengan baik dan menuju kepada pertumbuhan yang pesat.

"Saya rasa dengan atmosfera yang betul, Sarawak berpotensi tumbuh dengan pantas. Saya berpuas hati dengan apa yang saya lihat dan sikap rakyat Sarawak," katanya selepas sidang berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching sebelum berlepas ke Kuala Lumpur petang ini.

Perdana menteri menemui pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri, pegawai kerajaan negeri dan persekutuan dan peniaga kecil Bumiputera dan mengadakan dialog berasingan dengan mereka.

Beliau juga merasmikan kilang wafer 200mm Malaysia yang pertama -- 1st Silicon (Malaysia) Sdn Bhd di Zon Perdagangan Bebas Sama Jaya di Muara Tabuan dekat sini semalam.

Ditanya berkaitan pandangannya terhadap persediaan BN Sarawak untuk menghadapi pilihan raya negeri yang akan datang, Dr Mahathir berkata ia nampaknya telah bersedia.

Ditanya jika masa adalah sesuai untuk mengadakan pilihan raya, beliau berkata sebarang masa adalah sesuai bila mereka telah bersedia.

"...Tetapi jangan adakan pilihan raya kerana untuk bersuka, ia adalah perkara serius, kita mahu membentuk kerajaan, itu sebabnya kita mengadakan pilihan raya, jadi bersabarlah," katanya.

Dr Mahathir ditanya berkaitan dakwaan oleh sesetengah pihak Umno akan berkembang ke Sarawak walaupun parti itu berulang kali menafikannya.

"Saya suka memberitahu rakyat Sarawak bahawa Umno tidak akan datang ke sini, sesiapa yang mendakwa Umno, mereka bukanlah Umno," kata Dr Mahathir, yang juga presiden Umno.

Berkaitan laporan hasrat bekas menteri pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha untuk mencabar Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam pilihan raya yang akan datang, Dr Mahathir berkata tiada sesiapa menghalang sesiapa untuk mencabar sesiapa tetapi jangan gunakan nama Umno.

Berkaitan dengan sistem penggiliran ketua menteri, Dr Mahathir meminta masa untuk membuat keputusan.

"Beri saya masalah," katanya.

Kesemua komponen parti BN Sabah dijangka akan mengemukakan pandangan mereka secara bertulis kepada Perdana Menteri sama ada sistem itu dikekalkan atau tidak, menjelang hujung minggu ini.

Ditanya jika keselamatan di sempadan Sarawak-Indonesia akan dipertingkatkan berikutan keganasan etnik di Kalimantan tengah, Dr Mahathir berkata ini akan dilakukan.

"Kita tahu sekarang ini ramai daripada penduduk Indonesia yang ingin berhijrah ke Malaysia, saya baca dalam suratkhobar dekat 1,300 orang nak pergi ke Johor, itu masalah yang kita hadapi," katanya.

Beliau bagaimanapun tidak mahu mengulas mengenai konflik pergaduhan kaum di Sampit, Kalimantan Tengah.

"Itu masalah negara orang dan kita tak perlu komen tapi kita cuma bersyukur di dalam negara kita walaupun penduduknya berbagai kaum tetapi ini tidak berlaku, itu kita harus bersyukur," katanya.

-- BERNAMA

AZZ RI